

04 AUG 1998

Mahathir-air

MALAYSIA TAK RUGI SINGAPURA BELI AIR INDONESIA

JOHOR BAHRU, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan mengalami apa-apa kerugian sekiranya Singapura memperolehi bekalan air mentah daripada Indonesia.

Malah, kata Perdana Menteri, Malaysia tidak berhak untuk menghalang Singapura daripada berbuat demikian kerana itu adalah hak mereka.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam bersama anggota Badan Perhubungan Umno Johor di sini malam ini, Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Kita tidak rugi apa-apa, bahkan kita boleh minum air itu, boleh mandi lebih kerap lagi, dan orang Johor bau lebih wangi."

Beliau diminta mengulas laporan beberapa akhbar hari ini bahawa Singapura sedang berunding untuk mendapatkan bekalan mentah daripada Indonesia pada kadar 3.8 bilion liter sehari.

Rancangan itu dipercayai ada kaitan dengan ketegangan hubungan antara republik itu dengan Malaysia berhubung isu pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di Tanjong Pagar di republik itu. Singapura kini bergantung kepada Malaysia untuk bekalan airnya.

Singapura telah memindahkan pusat pemeriksaan CIQnya ke Woodlands pada Sabtu lepas, dan mahukan Malaysia turut berbuat demikian tetapi Malaysia bertegas tidak akan berganjak daripada kompleks di Tanjong Pagar yang terletak dia atas tanah milik KTM Berhad.

Singapura pada masa ini memperolehi bekalan air mentah dari Johor berjumlah lebih 1 bilion liter sehari hasil dua perjanjian yang masing-masing akan tamat pada tahun 2011 dan 2061.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut mengulas gesaan Pemuda Umno agar Malaysia menggantung urusan dua hala yang baru dengan Singapura, dengan berkata syor itu akan diteliti tetapi buat masa ini belum ada urusan dua hala yang baru antara kedua-dua negara itu.

"Walau apapun, persengketaan antara Malaysia dan Singapura dimulakan oleh republik itu," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata Singapura berhak untuk melaporkan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) tentang langkah Malaysia menggalakkan pengeksport dan pengimport negara ini menggunakan kemudahan pelabuhan dalam negeri.

"Kalau nak report, reportlah...kita pun boleh report'.

Beliau juga berkata kerajaan akan terus mengadakan pertemuan dengan rakyat bagi menjelaskan masalah kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi negara walaupun banyak sekali telah diperkatakan mengenainya.

"Ini amat penting bagi meningkatkan kesedaran rakyat kerana perkara ini susah untuk difahami, umpamanya mengenai perdagangan mata wang," katanya.

Dalam lawatan seharinya itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Umno, Barisan Nasional dan ketua masyarakat dari seluruh Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu.

Beliau juga menghadiri taklimat mengenai pembinaan jambatan Sungai Johor dan pembangunan Desaru. Selepas itu beliau mengadakan pertemuan tertutup dengan anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Negeri sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

-- BERNAMA

AM RAM MAI